

RM20,000

>>Nilai geran diberi kepada empat koperasi

09-12-2017

setempat **39**

A

HARIAN METRO

Mahaizura Abd Malik
mahaizura@hmetro.com.my

Petaling Jaya

“**U**ntuk sampai ke tahap ini, banyak perlu dikorbankan. Dulu saya menjual rumah dan tanah untuk membuka kedai barangan perkakasan, malah ada juga orang musykil kerana saya tiada pengalaman,” kata Kamaruzaman Omar.

Menurut Pengerusi Koperasi Paku Selangor Berhad (KOPAKU) itu, sembilan tahun lalu dia bersama seorang rakan kongsi memulakan perniagaan dengan pelbagai cabaran termasuk mengeluarkan modal sendiri sebelum pengorbanan mereka berbaloi dengan kejayaan dikecapi hari ini.

“Orang musykil kerana saya tiada pengalaman, tambahan lagi perniagaan barangan perkakasan ini banyak dimonopoli peniaga bukan Bumiputera.

“Waktu itu belum ada bantuan kewangan, jadi kami mengeluarkan modal lebih besar iaitu RM200,000 seorang untuk melengkapkan kedai perkakasan kami dengan bahan binaan asas bagi meyakinkan pelanggan memandang orang suka jika barangan kita lengkap.

“Kami hanya tawakal kerana tidak tahu lagi sam-



ABDUL Fatah (lima dari kiri) bersama empat wakil koperasi pada Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman antara KOPAKU dan ANGKASA, semalam.

JUAL TANAH BUKA KEDAI

■ KOPAKU sasar turun kos bina rumah melalui projek Coop Hardware

butan macam mana namun dengan usaha lebih termasuk beroperasi setiap hari bermula 9 pagi hingga 9 malam, akhirnya kami diterima

pelanggan sebelum berkembang kepada lima francais dan menubuhkan koperasi ini,” katanya selepas Majlis Menandatangani Memorandum

Persefahaman, Penyerahan Geran Jaringan Koperasi Pembekalan Bahan Binaan serta Pelancaran Logo COOP Hardware Angkatan

Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA), di sini, semalam.

Sebanyak empat koperasi dipilih menerima geran

RM20,000 dalam projek terbaru ANGKASA, COOP Hardware yang menerima bimbingan dan bekalan bahan asas binaan secara langsung daripada KOPAKU.

Sementara itu, Presiden ANGKASA Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, projek berkenaan antara usaha mengatasi masalah kenaikan harga rumah pada masa ini dengan menyasarkan pengurangan harga bahan asas binaan 30 peratus berbanding pasaran.

“Antara isu utama kenaikan harga rumah ialah struktur pengedaran bekalan bahan asas binaan yang kami dapati banyak sangat peringkat lapisan orang tengah hingga mengakibatkan harga rumah melambung.

“Jadi, sebagai permulaan kami memilih empat koperasi untuk melaksanakan projek ini dengan bimbingan KOPAKU dan harap sekurang-kurangnya setiap negeri memiliki cawangan COOP Hardware dalam tempoh tiga tahun akan datang.

“Dengan cara ini kita dapat mengurangkan pembabit orang tengah dalam membekalkan bahan binaan kepada hanya dua lapisan struktur pengedaran bagi membolehkan pengguna memperoleh bahan asas binaan pada harga lebih murah, sekali gus mengurangkan kos rumah pada masa akan datang,” katanya.